



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 23 JULAI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KERAJAAN KOMITED KURANGKAN KEBERGANTUNGAN SUMBER BEKALAN MAKANAN IMPORT, BH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KERAJAAN KOMITED KURANGKAN KEBERGANTUNGAN SUMBER BEKALAN MAKANAN IMPORT, ASTRO AWANI -ONLINE	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kerajaan komited kurangkan kebergantungan sumber bekalan makanan import



TANAH MERAH: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang menjalankan beberapa inisiatif untuk menjamin bekalan beras sentiasa ada walaupun terdapat sekatan dari negara pengeksport.

Mengambil contoh makanan ruji itu, Menteri, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kementerianya sanggup mengeluarkan belanja RM3 bilion untuk pembangunan infrastruktur Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Katanya, ini bagi menjayakan projek penanaman padi lima musim dalam dua tahun berskala besar di negara ini.

"Selepas ini kita akan lihat di Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) pula dengan penanaman padi ala Sekinchan di 400 hektar tanah kosong di Pasir Puteh.

"KADA diminta buat kaedah itu dengan hasil sekitar tujuh hingga 12 tan untuk sehektar," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau yang diiringi Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Norbahani Zakaria, hadir di Kampung Paloh di sini, sempena Walkabout Projek Kelompok Tanaman Jagung.

Mohamad berkata, kementerianya akan terus komited untuk mengurangkan kebergantungan sumber bekalan makanan import bagi memastikan ia seimbang dengan pengeluaran negara.

Katanya, usaha itu adalah selari dengan dasar agromakanan negara 2021-2023 yang berhasrat untuk meningkatkan pertumbuhan pendapatan dan kualiti hidup lebih baik bagi pengeluar makanan.

Beliau berkata, dengan jumlah rakyat negara ini seramai 35 juta, pihaknya perlu mengambil pelbagai pendekatan sebagai cabaran kerana ada sesetengah makanan atau tanaman tidak mampu ditanam di negara ini.

Katanya, kekangan teknologi terkini selain cuaca yang tidak sesuai antara faktor yang menghalang beberapa tanaman termasuk bawang, ubi kentang, kubis, kelapa dan soya tidak boleh ditanam secara meluas di negara ini.

"Sekarang eksport kita tidak seimbang dengan import dan perlu buat pelbagai usaha malah melalui lawatan saya ke Hungary, baru-baru ini, negara itu sanggup terima barangan kita untuk diedar ke Eropah," katanya.

Mengenai lawatannya ke Kampung Paloh, Mohamad berkata, lawatannya ke ladang seluas 32 hektar hari ini adalah bagi memastikan kecukupan dan keterjaminan bekalan makanan dalam negara, khususnya di Kelantan sendiri.

"Kesepakatan antara 50 peserta sepanjang tahun sejak 2007, dengan bimbingan Jabatan Pertanian, menjadi kunci utama perjalanan projek untuk terus konsisten," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

Kerajaan komited kurangkan kebergantungan sumber bekalan makanan import



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu (tiga, kanan) menyerahkan benih jagung kepada Ketua Projek Jagung Berkelompok Kampung Paloh Mat Zin Harun sempena Majlis Projek Kelompok Tanaman Jagung, hari ini. - Foto BERNAMA

TANAH MERAH: Kerajaan terus komited dalam mengurangkan kebergantungan sumber bekalan makanan yang diimport bagi memastikan ia seimbang

dengan pengeluaran atau eksport negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata usaha itu akan dilakukan secara berterusan selari dengan objektif Dasar Agromakanan Negara 2021-2023 (DAN 2.0), iaitu meningkatkan pertumbuhan pendapatan dan kualiti hidup yang lebih baik bagi pengeluar makanan.

"Alhamdulillah, bekalan telur di negara kita makin pulih cuma bekalan beras kita perlu berusaha mengatasinya sekiranya negara pengeksport beras seperti India dan Vietnam mengurangkan kadar eksport untuk menampung keperluan makanan rakyat di negara mereka.

"Sebab itu, kerajaan menyediakan infrastruktur seperti sistem pengairan dan jalan di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebanyak RM3 bilion bagi menjayakan projek penanaman padi lima musim dalam dua tahun berskala besar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Projek Kelompok Tanaman Jagung di Kampung Paloh, di sini hari ini yang turut dihadiri Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Norbahani Zakaria.

Mengenai program tersebut, Mohamad berkata projek tanaman jagung di Kampung Paloh yang berkeluasan 32 hektar telah bermula pada 2007 melalui penubuhan koperasi yang turut melibatkan tanaman lain seperti kacang panjang, labu dan pelbagai jenis ubi.

"Projek kelompok ini mendapat bimbingan sepenuhnya daripada Jabatan Pertanian negeri dan menerima peruntukan berjumlah RM201,245 sejak 2014 meliputi insentif penyediaan kawasan, sistem pengairan dan input pertanian.

"Selain itu, Jabatan Pertanian turut melaksanakan pemantauan termasuk dari segi khidmat nasihat berkaitan penyakit dan perosak," katanya.

Sementara itu, penanam jagung Noraini Mat Nor, 54, berkata langkah kerajaan mengurangkan kebergantungan import bekalan makanan wajar dilakukan untuk memberi peluang pekerjaan kepada rakyat sekali gus meningkatkan ekonomi mereka.

"Saya bersyukur dengan usaha dilakukan kerajaan kerana ia memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat terutama golongan muda dengan menceburkan diri dalam bidang pertanian seperti tanaman jagung dan tembikai," katanya.

Pesawah, Rosli Abd Ghani, 62, pula berkata kerajaan juga perlu memberi tumpuan dalam memastikan sistem pengairan dan kemudahan infrastruktur di kawasan sawah di seluruh negara sentiasa ditambah baik dan diselenggara.

-- BERNAMA